

08/10/2001

Malaysia sedia kongsi pengalaman guna ISA

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia sedia berkongsi pengalamannya menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekiranya Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) menganjurkan persidangan antarabangsa mengenai keganasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Malaysia akan menjelaskan betapa relevannya ISA untuk mencegah kegiatan pengganas.

Serentak itu, beliau meminta PBB menimbang segera cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya diadakan persidangan antarabangsa bagi menggembleng tenaga membanteras keganasan yang tidak boleh dikaitkan dengan kaum atau agama.

"Selepas serangan ke atas New York dan Washington 11 September lalu, Amerika sendiri tercari-cari cara untuk mencegah keganasan.

"Apa yang harus ditumpukan ialah bagaimana masyarakat dunia harus bersatu memerangi keganasan dengan menyelaraskan undang-undang domestik dengan undang-undang antarabangsa," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Penduduk Ampang Jaya di sini, hari ini.

Rais berkata, selepas serangan itu tidak ada lagi kritikan terhadap ISA kerana kerajaan sentiasa memastikan pelaksanaannya mengikut keluhuran dan kedaulatan undang-undang.

Selain Malaysia, katanya, Singapura juga mempunyai ISA dan pelaksanaan undang-undang itu di republik berkenaan adalah lebih ketat.

Rais berkata, antara persoalan yang sering dibangkitkan oleh pemimpin asing mengenai ISA ialah mengapa tahanan tidak didakwa di mahkamah.

"Saya menjelaskan ISA dan undang-undang jenayah boleh disatukan sekiranya bukti sesuatu penjenayah itu dapat diketengahkan oleh penyiasat," katanya.

Mengulas tindakan DAP mempersoalkan keputusan perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam, Rais berkata, Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan secara jelas menyatakan Islam adalah agama rasmi negara.

Beliau berkata, peruntukan itu sudah memadai untuk menjelaskan bahawa Malaysia adalah negara Islam dan pentadbiran Islam mengikut undang-undang syariah sudah dilaksanakan di semua negeri.

Rais mengulas kenyataan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang yang memetik kenyataan bekas Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman yang mengisytiharkan di Parlimen bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam.

Katanya, Dr Mahathir mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam selepas mengkaji peruntukan Perlembagaan dan Undang-undang Syariah di negara ini.

Beliau berkata, pindaan Perlembagaan pada 1988 memberi kuasa khusus kepada pelaksanaan undang-undang syariah yang tidak lagi mempunyai timbal balik dengan mahkamah sivil dalam menentukan undang-undang.

(END)